



25 APR, 2024

## FAMA pastikan bawang merah tempatan mudah diperolehi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### FAMA pastikan bawang merah tempatan mudah diperolehi

**KUALA LUMPUR:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan proaktif dalam memastikan bekalan bawang merah tempatan dapat diperolehi dengan mudah oleh pengguna menerusi outlet pemasaran FAMA di seluruh negara.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, untuk itu, satu program intervensi yang memberi tumpuan kepada pemasaran bawang merah tempatan yang ditanam di kawasan ditentukan Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melibatkan 40 pusat operasi FAMA dilaksanakan menerusi pelbagai program antaranya Jualan Agro MADANI, outlet pemasaran KPKM dan jualan portal Agrobazaar Online.

"Pada peringkat permulaan ini, FAMA telah menyasarkan jualan bawang tempatan itu melalui promosi Kombo MADANI sempena program Jualan Agro MADANI yang akan diadakan di 5,000 lokasi seluruh negara," katanya dalam kenyataan kelmarin.

- Bernama



25 APR, 2024

## FAMA pastikan bawang merah tempatan mudah diperolehi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan proaktif dalam memastikan bekalan bawang merah tempatan dapat diperolehi dengan mudah oleh pengguna menerusi outlet pemasaran FAMA di seluruh negara.